



14 JUL, 2025

## DBKL roboh gerai dibina di atas tanah kerajaan tanpa kebenaran



Harian Metro, Malaysia

# DBKL roboh gerai dibina di atas tanah kerajaan tanpa kebenaran

**Kuala Lumpur:** Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) meroboh gerai yang dibina di atas tanah kerajaan tanpa kebenaran di Bandar Manjalara, Segambut di sini, Khamis lalu.

DBKL berkata, operasi itu dilakukan dengan kerjasama Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Air Selangor Sdn Bhd dan **Tenaga Nasional Berhad (TNB)**.

Pemilik gerai yang menjalankan aktiviti perniagaan makanan dan cuci kereta sudah mengosongkan tapak selepas akur dengan pemakluman oleh DBKL.

“Ia selepas menerima notis pemberitahuan kesalahan dan tidak menjalankan aktiviti perniagaan berakhir pada 2 Julai lalu menerusi kesalahan

mengikut Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.

“DBKL merobohkan sebuah struktur gerai perniagaan makanan dan tapak lantai konkrit (cuci kereta). Semua sisa struktur yang dirobohkan dilupuskan oleh DBKL selepas tamat operasi,” katanya dalam perkongsian hantaran di Facebook.

Sebarang aduan boleh disalurkan ke <https://adukl.dbkl.gov.my/>.